

16 JAN 2003

SABAH TIADA MASALAH LAKSANA UNDANG-UNDANG SYARIAH SERAGAM

KOTA KINABALU, 16 Jan (Bernama) -- Sabah tidak menghadapi sebarang masalah dalam melaksanakan Undang-undang Syariah dan Undang-Undang Keluarga Islam sebagaimana yang diterimapakai di seluruh negara, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin.

Bagaimanapun beberapa perkara perlu diperhalusi untuk melihat jika terdapat sebarang keperluan untuk meminda undang-undang yang berkaitan di negeri ini bagi maksud penyeragaman, katanya.

Beliau berkata Sabah sebelum ini telah meminda dan menguatkuasakan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak pada tahun 1996, yang selaras dengan yang digunapakai di negeri-negeri di Semenanjung.

"Saya telah berbincang dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Mufti Negeri dan wakil peguam negeri. Hasil daripada perbincangan itu akan dibawa kepada jawatankuasa teknikal Majlis Agama Islam Sabah (Muis) dan seterusnya kepada jawatankuasa tertinggi Muis untuk diperakukan," katanya kepada pemberita di sini.

Lajim berkata satu kertas kabinet akan disediakan untuk perakuan jemaah menteri dan jika pindaan diperlukan, ia akan dibentangkan untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Terdahulu, beliau melancarkan promosi tiga keluaran tempatan -- Kopi Tenom, Teh Sabah dan Kacang Tanah Kudat -- di sebuah hotel di Tuaran, dekat sini.

Lajim yang merupakan menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam di Sabah, mengulas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan negeri mengambil tindakan segeraewartakan undang-undang syariah di negeri masing-masing bagi menyelesaikan dakwaan berlakunya ketidakseragaman undang-undang Islam di negeri-negeri.

-- BERNAMA

JS RON